

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Gerbang Akademik	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	172 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 3,431	PR Value	RM 10,293



## SOC UUM lebar sayap kepakaran ke Indonesia

**PUSAT** Pengajian Pengkomputeran (SOC) Universiti Utara Malaysia (UUM) melebarkan sayap kepakarannya ke persada antarabangsa dengan menjalinkan kerjasama penyelidikan bersama Universitas Komputer Indonesia (UNIKOM) dan Universitas Telkom (TELKOM), Indonesia.

Delegasi penyelidik SOC yang diketuai Dekan SOC merangkap Penolong Naib Canselor (PNC) UUM College of Arts and Sciences (CAS), Prof. Madya Dr. Huda Ibrahim bersama Prof. Madya Dr. Azman Yasin, Dr. Mazida Ahmad dan Dr. Mazni Omar telah mengadakan pertemuan dengan para penyelidik di kedua-dua universiti berkenaan di Bandung, Indonesia pada 20 Januari lalu.

Perbincangan penyelidikan tersebut adalah susulan Memorandum Perjanjian (MoA) yang dimeterai UUM dan UNIKOM serta TELKOM pada Mac 2016.

Ketibaan para penyelidik SOC disambut oleh Prof. Dr. Aelina Surya yang merupakan wakil Rektor III Bidang Kerjasama dan Kemahasiswaan UNIKOM dan para penyelidik UNIKOM yang diketuai Dr. Herman S. Soegoto, Dr. Jeffry Handoko, Dr. Deden A. Wahab, Dr. Rahma Wahdiniwati dan Dr. Yusnila Kerlooza.

Dr. Huda berkata, agenda utama perbincangan adalah berkisar tentang keberkesanan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kalangan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia dan Indonesia.

“Penyelidik juga membincang-

kan kaedah pendekatan ‘big data’ untuk menganalisis tingkah laku pengguna dalam pembelian barangan secara atas talian,” jelasnya.

Penyelidik SOC turut mengadakan perbincangan dengan penyelidik TELKOM yang diketuai Dr. Gading Ramantoko dan Herry Irawan mengenai kajian impak perkongsian maklumat menerusi penggunaan sistem e-Procurement dalam kalangan agensi kerajaan di kedua-dua negara.

“Para penyelidik menunjukkan kesungguhan dan keyakinan bahawa penyelidikan yang dijalankan mampu menghasilkan output yang berimpak tinggi dan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara amnya,” tambahnya.

Lawatan sehari itu telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh penyelidik SOC, bukan sahaja bagi membincangkan potensi aktiviti MoA berkaitan penyelidikan dengan sebuah lagi universiti iaitu Universitas Padjadjaran (UNPAD), malah perbincangan juga meliputi perancangan program ‘double degree’ dan mobiliti pelajar dan pensyarah.

Kerjasama yang dijalinan itu menyerlahkan kepakaran para penyelidik SOC serta membuktikan kesungguhan SOC untuk mempromosi bidang kepakaran UUM di peringkat antarabangsa.

